

27 SEP 2001

Memorandum-Kedutaan

ABIM SERAH MEMO KEPADA KEDUTAAN AMERIKA GESA MISI AMAN

KUALA LUMPUR, 27 Sept (Bernama) -- Dua puluh tiga pertubuhan bukan kerajaan (NGOs) menyerahkan satu memorandum kepada kedutaan Amerika Syarikat di sini hari ini menggesa bagi keamanan global.

Memorandum itu diserahkan oleh Presiden Abim Ahmad Azam Abdul Rahman, kepada setiausaha pertama kedutaan itu, Simon Lee.

"Memorandum ini yang ditujukan kepada Presiden George W.Bush menyatakan pentingnya bagi misi aman global dan kami tidak mahu Amerika Syarikat menggunakan keganasan dalam menentang keganasan, bila akan ada akhirnya?" kata Ahmad Azam kepada pemberita kemudian.

Beliau berkata dalam memorandum itu mereka menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga mangsa serangan penganas pada 11 Sept terhadap Pusat Dagangan Dunia di New York dan Pentagon di Washington.

Memorandum itu juga mencadangkan bahawa sebarang peperangan global menentang keganasan hendaklah diusahakan oleh Pertubuhan Bangsa Bersatu dan disokong negara lain.

"Memorandum itu juga mengutuk sebarang serangan terhadap Afghanistan yang akan mengancam keselamatan orang awam dan sebarang sindiran yang mengaitkan keganasan dengan Islam," katanya.

Katanya orang Islam selalu dijadikan momok bagi setiap serangan penganas, termasuk beberapa pengeboman yang kemungkinan juga boleh dilakukan oleh kumpulan yang mempunyai kepentingan tertentu atau sesetengan penganas Amerika sendiri seperti Timothy McVeigh.

Ahmad Azam berkata mereka menyokong gesaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya "Bangsa-bangsa Bersatu menganjurkan satu persidangan dunia mengenai keganasan bagi membolehkan kita mentafsirkan penganas kerana tidak semua penganas adalah umat Islam.

Katanya Abim juga sedang menganjurkan tabung bagi pelarian Afghan dan derma boleh dialamatkan kepada Sekretariat ABIM Pusat (u/p: Pejabat Kewangan ABIM), No.3-2, Jalan 46B/26, Pusat Bandar Sri Rampai, 53300 Kuala Lumpur atau telefonl 03-41428300.

-- BERNAMA

SHI AHH RON